

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 7 SEPTEMBER 2021

AKHBAR : BERITA HARIAN

# Bajet 2022: Jangan beri 'kejutan' cukai

Oleh **NURFARAHIN HUSSIN**  
farahin.hussin@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan perlu mengelak daripada memberi kejutan dengan pengenalan cukai-cukai baharu atau peningkatan cukai sedia ada dalam pembentangan Bajet 2022 yang dijadualkan bulan hadapan.

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti Kewangan Islam Global (Inceif), Prof. Madya Dr. Baharom Abdul Hamid berpendapat, sekiranya pengenalan cukai baharu dibuat, langkah itu mungkin menakutkan rakyat seterusnya menggendalakan proses pe-

mulihan dan pemeraksanaan ekonomi negara.

"Sebaliknya, kerajaan perlu merangka Bajet 2022 yang menumpukan kepada elemen-elemen penyumbang kepada pertumbuhan, insentif, pelepasan cukai, galakan bagi membolehkan pemulihan negara pascapandemik berjalan lancar.

"Ketelusan dan integriti harus diutamakan. Jika perlu pinjaman baharu, nyatakan jumlah, sumber sama ada dalam atau dari luar, perincian ke mana hendak dibelanjakan dan biar ada aras pengukur keberkesanan," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Kementerian Kewangan sebelum ini mengeluarkan Kenyataan Pra-Bajet 2022 yang antara lain menekankan strategi pemantapan sistem percukaian menerusi sebuah kajian semula yang menyeluruh ke atas rangka kerja insentif cukai serta strategi meningkatkan hasil percukaian negara.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) dan Bajet 2022 akan menjadi penanda aras pemulihan ekonomi negara kerana mengandungi kebanyakan da-

sar, polisi dan inisiatif baharu.

Ujarnya, rakyat, peniaga dan pelabur sudah tentu menantikan inisiatif yang lebih bersifat mampan dan mampu memberi impak yang tinggi dan pada masa sama mahu melihat penambahbaikan ke atas inisiatif sedia ada seperti memansuhkan faedah terakru yang dikenakan kepada peminjam yang mengambil moratorium.

"Bajet 2022 harus meminimumkan jumlah perniagaan yang gulung tikar dengan memastikan golongan peniaga mendapat bantuan yang sewajarnya, bukan sahaja moratorium pinjaman tetapi morato-

rium sewa bangunan dan cukai taksiran.

"Selain itu, ekonomi baharu seperti ekonomi digital dan agromakanan harus terus mendapat perhatian kerajaan supaya rakyat mampu menjadi warga yang berkemahiran tinggi dan mampu menjana pendapatan di peringkat global," ujarnya.

Tambah Ahmed Razman, Bajet 2022 juga perlu menitikberatkan langkah mengurangkan kadar pengangguran semini-mum yang boleh kerana jumlah penganggur sehingga melepasi 700,000 orang adalah terlalu tinggi dengan lebih 200,000 graduan sedang menganggur.